

**GABUNGAN PERSATUAN ALUMNI  
SEKOLAH BERASRAMA PUENUH MALAYSIA**

<b>Kandungan</b>	<b>Muka</b>
MAKLUMAT PERSATUAN	2
PENYATA AHLI JAWATANKUASA	3
PENYATA KEWANGAN	
Penyata Kedudukan Kewangan	4
Penyata Pendapatan Dan Lebihan Terkumpul	5
Penyata Penerimaan dan Pembayaran	6
Nota-Nota kepada Penyata Kewangan	7 – 10
LAPORAN JURUAUDIT	11

**GABUNGAN PERSATUAN ALUMNI SEKOLAH  
BERASRAMA PENUH MALAYSIA**  
(Didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966)

**MAKLUMAT PERSATUAN**

- AHLI JAWATANKUASA** : MCOBA – YM Tunku Dato' Ahmad Burhanuddin bin Tunku Dato' Seri Adnan (Pengerusi)  
ASPUTRA – Mohammad Hatta bin Husin (Timbalan Pengerusi)  
EXSAS – Dato' Ir Muhammad Imran bin Baharuddin (Naib Pengerusi 1)  
SRIKANDI – Nily Asmah binti Muhamni (Naib Pengerusi 2)  
SMACHIAN - Dr. Mazlan bin Che Soh (Setiausaha)  
ALSPEN – Mohd Neezal bin Md. Noordin (Bendahari)  
ALKIS – Azmir bin Ilias (Penolong Setiausaha)  
SAINA – Izharul Khairi bin Taharuddin (Penolong Bendahari)  
PRESSTIJ – Dr Maryati Maharon (AJK 1)  
EX-SEMESDIANS – A. Muthalib Zulkarnain (AJK 2)  
Alumni SMSS – M. Suhaimi Zainuddin (AJK 3)  
Alumni SMSAH – Najib Mohamad (AJK 4)  
AnNadi – Aslam Zahari (AJK 5)
- PEJABAT URUSAN** : Bilik Tioman,  
Bangunan MCOBA,  
42, Jalan Syed Putra,  
50460 Kuala Lumpur.
- BANK UTAMA** : Bank Islam Malaysia Berhad  
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad
- JURUAUDIT** : TKCOGA – Lydia Faraheeda Asroff (Juruaudit 1)  
PUTERI - Noor'azian binti Ibrahim (Juruaudit 2)

**GABUNGAN PERSATUAN ALUMNI SEKOLAH  
BERASRAMA PENUH MALAYSIA**

**PENYATA AHLI JAWATANKUASA**

Kami, Ahli Jawatankuasa yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Gabungan Persatuan Alumni Sekolah Berasrama Penuh Malaysia ("Gabungan Alumni SBP"), dengan ikhlas mengakui bahawa penyata kewangan yang disediakan pada mukasurat 4 hingga 10, telah disediakan mengikut piawaian perakaunan yang diterima pakai di Malaysia untuk memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Gabungan Alumni SBP pada 31 Disember 2024 dan prestasi kewangan serta aliran tunai untuk tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Ahli Jawatankuasa oleh,

.....  
YM Tunku Dato' Ahmad Burhanuddin  
MCOBA  
Pengerusi

.....  
Mohd Neezal Md. Noordin  
ALSPEN  
Bendahari .....

Tarikh: 5 Jun 2025

**GABUNGAN PERSATUAN ALUMNI SEKOLAH  
BERASRAMA PENUH MALAYSIA**

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN  
PADA 31 DISEMBER 2024**

	NOTA	2024 RM	2023 RM
<b>ASETSEMASA</b>			
Tunai dan Bersamaan Tunai	6	42,272.46	50,973.69
Akaun Belum Terima	7	4,500.00	7,000.00
Lain-lain Penghutang		191.85	191.85
		<u>46,964.31</u>	<u>58,165.54</u>
<b>ASET SEMASA BERSIH</b>		<u>46,964.31</u>	<u>58,165.54</u>
<b>EKUITI</b>			
Lebihan Terkumpul		<u>46,964.31</u>	<u>58,165.54</u>

Sila lihat nota-nota yang mengiringi penyata kewangan ini.

**GABUNGAN PERSATUAN ALUMNI SEKOLAH  
BERASRAMA PENUH MALAYSIA**

**PENYATA PENDAPATAN DAN LEBIHAN TERKUMPUL  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

	<b>2024</b>	<b>2023</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
<b>PENDAPATAN</b>		
Yuran Ta huna n	13,500.00	5,500.00
Yuran Masuk	-	-
Hibah	53.11	61.73
Sumbangan Tayangan Filem PADU	1,748.00	-
Sumba ngan Ta bung Kebajikan	3,136.74	-
Kutipan Liga Alumni SBP	-	4,650.00
Kutipan Kolokium Kecemerlangan Murid	5,700.00	8,870.00
<b>JUMLAH PENDAPATAN</b>	<b>24,137.85</b>	<b>19,081.73</b>
<b>PERBELANJAAN</b>		
Caj Bank	361.09	381.50
Belanja Mesyuarat AgungTahunan	4,050.00	3,300.00
Website	495.39	538.69
Program Outreach	-	2,000.00
Tayangan Khas Filem PADU	7,848.00	-
Percetakan, Alatulis & Cenderamata	1,202.90	870.00
Belanja Makanan dan Minuman	-	500.00
Program Khas Bersama Penasihat	1,050.00	-
Sumbangan Kebajikan	500.00	21,500.00
Sewa Pejabat	1,200.00	-
Majlis Presiden dan Alumni	1,402.00	-
Program Sayembara Penulisan	1,000.00	-
Perjalanan, Penginapan dan Pentadbiran	924.75	780.43
Belanja Liga Alumni SBP	3,900.00	7,480.00
Belanja Kolokium Kecemerlangan Murid	11,060.00	7,455.00
Bengkel Pelan Pembangunan Pendidikan	344.95	-
<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>	<b>35,339.08</b>	<b>44,805.62</b>
<b>KURANGAN BERSIH DALAM TAHUN</b>	<b>(11,201.23)</b>	<b>(25,723.89)</b>
<b>LEBIHAN TERKUMPUL AWAL TAHUN</b>	<b>58,165.54</b>	<b>83,889.43</b>
<b>LEBIHAN TERKUMPUL AKHIR TAHUN</b>	<b>46,964.31</b>	<b>58,165.54</b>

Sila lihat nota-nota yang mengiringi penyata kewangan ini.

**GABUNGAN PERSATUAN ALUMNI SEKOLAH  
BERASRAMA PENUH MALAYSIA**

**PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

	<b>2024</b> <b>RM</b>	<b>2023</b> <b>RM</b>
<b>PENERIMAAN</b>		
Yuran Tahunan	13,500.00	3,500.00
Yuran Tahunan - Akaun Belum Terima	2,500.00	-
Hibah	53.11	61.73
Sumbangan Tabung Kebajikan	3,136.74	-
Sumbangan Tayangan Filem PADU	1,748.00	-
Kutipan Kolokium Kecemerlangan Murid	5,700.00	8,870.00
Kutipan Liga Alumni SBP	-	4,650.00
<b>JUMLAH TERIMAAN</b>	<b>26,637.85</b>	<b>17,081.73</b>
<b>PEMBAYARAN</b>		
Caj Bank	361.09	381.50
Belanja Mesyuarat Agung Tahunan	4,050.00	3,300.00
Percetakan, Alatulis dan Cenderamata	1,202.90	870.00
Makanan dan Minuman	-	500.00
Program Sayembara Penulisan	1,000.00	-
Sewa Pejabat	1,200.00	-
Sumbangan Kebajikan	500.00	20,000.00
Belanja Tayangan Khas Filem PADU	7,848.00	-
Majlis Presiden dan Alumni	1,402.00	-
Program Khas Bersama Penasihat	1,050.00	-
Perjalanan, Penginapan dan Pentadbiran	924.75	780.43
Program Outreach	-	2,000.00
Website	495.39	538.69
Pembiutan	-	500.00
Belanja Kolokium Kecemerlangan Murid	11,060.00	7,455.00
Belanja Liga Alumni SBP	3,900.00	7,480.00
Bengkel Pelan Pembangunan Pendidikan	344.95	-
<b>JUMLAH PEMBAYARAN</b>	<b>35,339.08</b>	<b>43,805.62</b>
<b>BAYARAN BERSIH DALAM TAHUN</b>	<b>(8,701.23)</b>	<b>(26,723.89)</b>
<b>TUNAI DAN BERSAMAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN</b>	<b>50,973.69</b>	<b>77,697.58</b>
<b>TUNAI DAN BERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN</b>	<b>42,272.46</b>	<b>50,973.69</b>

Sila lihat nota-nota yang mengiringi penyata kewangan ini.

## **GABUNGAN PERSATUAN ALUMNI SEKOLAH BERASRAMA PENUH MALAYSIA**

### **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

#### **1. KEGIATAN UTAMA DAN MAKLUMAT AM**

Kegiatan utama Gabungan Alumni SBP ialah untuk:

- i. Memperkasa, membela serta menjaga kepentingan, kecemerlangan dan kebajikan sekolah-sekolah berasrama penuh;
- ii. Memperkasa, membela serta menjaga kepentingan dan kebajikan ahli termasuk bakal ahli;
- iii. Menjadi badan pemikir serta penasihat mengenai hal-hal yang berkaitan dengan pendidikan termasuk pembelajaran dan pengajaran di sekolah berasrama penuh khususnya dan pendidikan negara amnya;
- iv. Memupuk semangat perpaduan, kemesraan, saling bekerjasama selain mengeratkan perhubungan muhibbah di kalangan ahli dan bakal ahli khususnya dan masyarakat amnya melalui penganjuran dan penyertaan pelbagai kegiatan-kegiatan yang berfaedah;
- v. Memberikan sumbangan dan perkhidmatan berteraskan amal dan jariah kepada para ahli dan masyarakat amnya; dan
- vi. Mengadakan dan menjalinkan hubungan dengan persatuan dan/atau gabungan SBP lain bagi mengadakan kerjasama demi kepentingan ahli-ahli.

Tiada perubahan penting berlaku di dalam kegiatan tersebut dalam tahun kewangan yang dilaporkan.

Penyata kewangan ini dinyatakan di dalam Ringgit Malaysia (“RM”).

Ahli Jawatankuasa telah meluluskan penyata kewangan ini untuk diterbitkan pada 5 Jun 2025.

#### **2. PEMATUHAN KEPADA PIAWAIAN PELAPORAN ENTITI PERSENDIRIAN**

Penyata kewangan ini telah disediakan dengan mematuhi Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB).

#### **3. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN**

Penyata kewangan Gabungan telah disediakan berdasarkan kos sejarah. Ahli Jawatankuasa telah menggunakan pertimbangan dan andaian dalam mengukur jumlah aset dan liabiliti pada akhir tahun pelaporan dan amaun hasil dan perbelanjaan sepanjang tahun laporan ini. Perkara yang melibatkan pertimbangan dan andaian penting dinyatakan dalam Nota 5 kepada penyata kewangan.

#### **4. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING**

Dasar-dasar perakaunan penting yang berikut adalah digunakan secara konsisten dalam melaporkan perkara-perkara penting di dalam penyata kewangan ini.

##### **a) Instrumen kewangan**

###### **i) Pengiktirafan dan Pengukuran Awal**

Gabungan Alumni SBP mengiktiraf aset kewangan atau liabiliti kewangan di dalam penyata kedudukan kewangan apabila dan hanya apabila Gabungan Alumni SBP menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut.

Pada pengiktirafan awal, aset kewangan dan liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama, yang secara umumnya harga transaksi, ditambah kos transaksi jika aset kewangan atau liabiliti kewangan tidak diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi. Instrumen yang diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, kos transaksi dikira sebagai perbelanjaan dalam untung atau rugi apabila ditanggung.

###### **ii) Pengukuran Berikutnya Aset Kewangan**

Gabungan Alumni SBP mengklasifikasikan aset kewangannya sebagai aset kewangan pada kos terlunas.

###### **iii) Pengukuran Berikutnya Liabiliti Kewangan**

Selepas pengiktirafan awal, Gabungan Alumni SBP mengukur semua liabiliti kewangan pada kos perlunasan menggunakan kadar faedah efektif.

##### **b) Peruntukan Tanggungan**

Peruntukan tanggungan diiktiraf apabila Gabungan mempunyai tanggungan semasa disebabkan kejadian peristiwa lepas dan akan menyebabkan sumber yang boleh mendatangkan keuntungan ekonomi diperlukan untuk menyelesaikan tanggungan tersebut dan jumlah tersebut boleh dianggar. Peruntukan-peruntukan dinilai berdasarkan jangkaan terbaik Ahli Jawatankuasa mengenai pembayaran diperlukan untuk melangsankait tuntutan pada tarikh lembaran imbangan.

##### **c) Pengiktirafan pendapatan**

###### **i) Pendapatan Yuran**

Pendapatan yuran diiktiraf apabila kutipan yuran tersebut akan diterima dengan pasti.

###### **ii) Sumbangan Diterima**

Pendapatan daripada sumbangan diiktiraf apabila sumbangan tersebut akan diterima dengan pasti.

###### **iii) Pendapatan hibah**

Pendapatan hibah diiktiraf apabila penerimaannya telah ditentukan.

**5. PERTIMBANGAN PERAKAUNAN KRITIKAL DAN SUMBER UTAMA KETIDAKPASTIAN ANGGARAN**

**Penilaian Kritikal Dalam Menggunakan Dasar-dasar Perakaunan**

Ahli Jawatankuasa berpendapat bahawa tiada pertimbangan perakaunan kritikal dalam penggunaan dasar-dasar perakaunan yang dijangka mempunyai kesan ketara dalam amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan.

**6. TUNAI DAN BERSAMAAN TUNAI**

	<b>2024</b> <b>RM</b>	<b>2023</b> <b>RM</b>
Bank Islam Malaysia Berhad	35,498.81	49,973.69
Bank Rakyat	6,773.65	1,000.00
Baki pada 31 Disember	42,272.46	50,973.69

Tunai dan bersamaan tunai diwakili oleh:

	<b>2024</b> <b>RM</b>	<b>2023</b> <b>RM</b>
Akaun Operasi	27,766.81	40,081.69
Tabung Kebajikan	14,505.65	10,892.00
	42,272.46	50,973.69

**7. AKAUN BELUM TERIMA**

Akaun belum terima adalah dari yuran tahunan belum diterima seperti berikut:

	<b>2024</b> <b>RM</b>	<b>2023</b> <b>RM</b>
Yuran 2019	1,500.00	3,500.00
Yuran 2020	3,000.00	3,500.00
	4,500.00	7,000.00

Yuran belum terima untuk tahun kewangan 2021 ke atas hanya akan diambil kira di dalam penyata kewangan apabila kutipannya telah dipastikan.

## **8. ANGGOTA PENTING PENGURUSAN**

Anggota penting pengurusan adalah ditakrifkan sebagai mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, mengarah dan mengawal aktiviti-aktiviti Gabungan Alumni SBP secara langsung atau tidak langsung. Tiada anggota penting pengurusan selain daripada Ahli Jawatankuasa yang dilantik mewakili Alumni masing-masing. Pada tahun kewangan semasa, tiada imbuhan atau pampasan yang dibayar kepada anggota penting pengurusan ini.

**LAPORAN JURUAUDIT  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
GABUNGAN PERSATUAN ALUMNI SEKOLAH BERASRAMA PENUH MALAYSIA  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

Penyata Kewangan Gabungan Persatuan Alumni Sekolah Berasrama Penuh Malaysia (Gabungan Alumni SBP) bagi tahun berakhir 31 Disember 2024 telah diaudit mengikut kehendak Perlembagaan Gabungan Alumni SBP. Ahli Jawatankuasa Gabungan Alumni SBP adalah bertanggungjawab terhadap penyata kewangan ini dan tanggungjawab kami adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut.

Pada pendapat kami, penyata kewangan ini telah memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Gabungan Alumni SBP pada 31 Disember 2024. Rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

.....  
Lydia Faraheeda Asroff  
Juruaudit  
TKCOGA

.....  
Noor'azian binti Ibrahim  
Juruaudit  
PUTERI

Tarikh: 5 Jun 2025